

## **MEMUPUK SIFAT TAWADUK MELALUI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN PELAJAR PINTAR DI MALAYSIA**

*Maimun Aqsha Lubis  
draqsha@gmail.com*

*Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional,  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Syahrul Ghani Zainal Abidin  
syahrulghani@ukm.edu.my*

*Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Mohd Azhar bin Ali  
amazhar@unimas.my*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak*

*Ikwan Lubis SE, MM  
ikwanlubissem@gmail.com*

*Universitas Budi Darma, Sumatera Utara Indonesia*

*Mohd Sham Kamis  
(Pengarang Koresponden)  
kmsham@unimas.my*

*Fakulti Kognitif Sains dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak*

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan membentangkan kertas konsep yang cenderung kepada pengajaran dan pembelajaran pelajar pintar di Malaysia yang berfokus kepada pembelajaran dalam aplikasi mencontohi sifat Rasulullah dalam mempelajari Pendidikan Islam. Walaupun pelajar-pelajar pintar mempunyai cara tersendiri dalam memahami pembelajaran Pendidikan Islam. Namun, mereka perlu dididik bagaimana menjadi seseorang yang bersifat tawaduk dalam diri dengan menyematkan ciri-ciri mengenal sifat-sifat Allah SWT dan mengenal peribadi Rasulullah SAW. Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, ada beberapa topik utama yang diketengahkan ketika pembelajaran dalam bilik darjah. Seperti: a) Al-Quran b) Hadis c) Akidah dan d) Sirah dan Tamadun Islam. Dalam artikel ini, penulisan disini juga berfokus kepada pengajaran pelajar pintar iaitu, penekanan terhadap kemenjadian seseorang pelajar pintar yang bersifat tawaduk dalam diri dengan menyematkan ciri-ciri mengenal Allah melalui nama-nama dan sifat-sifat Allah yang sempurna. Pelajar-pelajar pintar juga dianjurkan untuk mengagungkan Allah. Dalam memurnikan hasil yang lebih jitu, pemantapan nilai-nilai seorang pelajar pintar juga perlu dengan memahami nilai-nilai murni dalam sirah Rasulullah SAW. Dengan cara ini, sifat tawaduk akan wujud beransur-ansur dalam jiwa. Dalam waktu yang sama pelajar-pelajar perlu untuk membuang semua sifat buruk yang ada dalam jiwanya. Seterusnya, setelah selesai berjaya membuang sifat mazmumah yang wujud dalam dirinya sendiri, output yang terhasil dengan izin Allah, mereka mampu untuk menjadi individu ikhlas dalam menuntut ilmu dan sentiasa bertaqwah dan memiliki sikap rendah diri dalam jiwa.

**Katakunci:** Pembelajaran, akidah, sirah, tawaduk, pelajar-pelajar pintar

### **CULTIVATING THE NATURE OF TAWADUK IN THE TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC EDUCATION AMONG GIFTED STUDENTS IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

*This article aims to present a concept paper that tends to the teaching and learning of gifted students in Malaysia that focuses on learning in applications emulating the nature of the Prophet in learning Islamic Education. However, gifted students have their way of understanding the learning of Islamic Education. However, they need to be educated on how to be someone who is tawaduk in themselves by embedding the characteristics of knowing the attributes of Allah SWT*

and knowing the personality of Rasulullah SAW. In the teaching and learning of Islamic Education, several vital topics are highlighted when learning in the classroom. Such as a) Al-Quran, b) Hadith, c) Akidah and d) Sirah and Islamic Civilization. In this article, the writing here also focuses on the teaching of gifted students, that is, the emphasis on becoming an intelligent student who is tawaduk in himself by embedding the characteristics of knowing God through the names and attributes of God that are perfect. Gifted students are also encouraged to glorify God. In purifying a more accurate result, the consolidation of the values of gifted student is also necessary by understanding the pure values in the sirah of Rasulullah SAW. In this way, the nature of tawadduk will exist gradually in the soul. At the same time, the students need to eliminate all the bad qualities in his soul. Next, having successfully discarded the nature of mazmumah that exists in itself, the resulting output with Allah's permission, they can become sincere individuals in seeking knowledge and always be pious and have a humble attitude in their soul.

**Keywords:** Learning, aqidah, sirah, tawaduk, gifted students

## PENDAHULUAN

Menurut Cherry (2022), pengajaran dan pembelajaran yang menumpukan kepada pendidikan pintar dan berbakat ialah pendidikan yang menyediakan pendekatan efektif kepada pelajar-pelajar pintar dan berbakat dengan keadaan persekitaran pendidikan yang dicipta khusus untuk keperluan sosial, emosi dan akademik mereka. Pendidikan pintar dan berbakat boleh dilihat dengan jelas pada tahun 1800-an, yang begitu memuncak dengan konsep terbukaan sekolah pintar dan berbakat pertama di Massachusetts pada tahun 1901. Penyelidikan mengenai kecerdasan pintar dan berbakat menyediakan maklumat baharu dan cara untuk penilaian pembelajaran yang khusus dalam bidang ini. Alfred Binet dan Theodore Simon adalah dua orang yang bertanggungjawab dalam mempelopori bidang kecerdasan pintar dan berbakat melalui penilaian yang dikenali sebagai IQ, iaitu suatu pengukuran dengan membandingkan usia mental yang mirip kepada skor kognitif pada ujian dan umur sebenar. Penyelidikan mereka menyumbangkan peranan penting dalam bidang pembangunan ujian kecerdasan.

## STRATEGI PEMBELAJARAN PELAJAR PINTAR DI MALAYSIA

Oleh kerana kepintaran pelajar yang berbeza mengikut tahap IQ, Renzulli (1978) percaya pelajar pintar memiliki keupayaan diri untuk menguasai sesuatu pengetahuan dengan mudah. Kamis et al (2021) menyokong pendapat Renzulli (1978) lalu menegaskan bahawa pembelajaran individu yang bergelar pintar sememangnya berbeza dengan individu lain. Keadaan ini terbukti apabila kajian beliau mendapati pelajar-pelajar pintar di Malaysia menggunakan strategi yang berbeza mengikut kemampuan mereka. Apa yang jelas dalam kajian Kamis et al (2021) bahawa pelajar-pelajar pintar di Malaysia menggunakan beberapa keupayaan mereka seperti audio, visual dan kinestetik. Walaubagaimanapun, apa juu subjek pembelajaran sekali pun, pelajar perlu dipupuk dengan kecintaan dan mengenal pencipta iaitu Allah SWT yang Maha Bijaksana.

Sifat mengenal Allah perlu dipupuk agar seseorang individu itu menjadi seorang tawadduk dan rendah diri dalam menuntut ilmu. Pelajar pintar tidak seperti pelajar lain kerana mereka berfikir secara berbeza, belajar secara berbeza dan berkelakuan berbeza. Kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak ciri di kalangan pelajar pintar. Delisle dan Galbraith (2002) membincangkan beberapa ciri pintar, termasuk idea yang bernas, sering menunjukkan rasa ingin tahu seperti sifat intelek yang berterusan, bertanya soalan dan menunjukkan yang ciri luar biasa.

## KEPERLUAN MENDIDIK PELAJAR PINTAR AGAR MENCONTOHI SIFAT RASULULLAH

Bagi seorang pelajar pintar dan berbakat, sikap seorang individu pintar sememangnya individu seperti ini menghadapai masalah kesukaran dalam menyesuaikan diri dalam kalangan rakan sebaya (Janos et al, 1985). Menurut Noriah (2010), berkemungkinan sikap ini wujud disebabkan psikologi pelajar itu sendiri yang mencetuskan kemahuan yang merasakan kelainan atau perbezaan yang ketara dalam jiwa. Sternberg dan Zhang (1995) berpendapat pelajar pintar cerdas mempunyai kebolehan memaksimakan asas pengetahuan dan kebolehan untuk mengingat semula maklumat dari ingatan yang tersimpan, mampu memaksimakan kemahiran dan strategi menyelesaikan masalah, kemahiran metakognitif, dan mengawal penggunaan strategik dalam menyelesaikan masalah pembelajaran. Howard Gardner (2011) menyatakan bahawa manusia boleh diklasifikasikan kepada 7 (tujuh) kategori. Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) juga menyokong pandangan Gardner (2011) dan berpendapat bahawa manusia dapat diklasifikasikan seperti berikut:

- a) Kepintaran Muzik Contoh: ahli muzik
- b) Kepintaran Kinestetik atau pergerakan badan Contoh; ahli sukan atau penari

- c) Kepintaran Logik Matematik, Contoh; saintis, pencipta atau ahli matematik
- d) Kepintaran Bahasa, Contoh; penulis atau ahli Bahasa
- e) Kepintaran “Spatial” Contoh; pelayar, arkitek, artis atau pemandu pelancong
- f) Kepintaran “Interpersonal” Contoh; pakar sakit jiwa, pakar psikologi atau kaunselor
- g) Kepintaran “Intrapersonal”, Contoh; ahli falsafah, pakar sakit jiwa atau pakar psikologi
- h) Kepintaran Rohani, Contoh; imam, sami atau pendakwah

Menurut Bailey (2009), dalam memahami konsep pembelajaran pintar dan berbakat, seorang pelajar pintar yang berbakat sudah tentu memiliki sikap ego yang tinggi. Allen (2019), mempersetujui pendapat ini, dan mencadangkan pengajaran dan pembelajaran yang bertemakan topik rendah diri perlu diajar dan disemaikan dalam kalangan pelajar-pelajar seperti ini. Oleh yang demikian, Allah berfirman dalam Al-Quran mafhumnya,


*“Dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi, dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung-ganang.”*

(Surah Al-Israa’ ayat 37).

Dalam mempersoalkan konteks sompong, sudah tentu antonimnya rendah diri. Tiaranita (2017) menyatakan pendapat beliau iaitu rendah diri adalah sama erti dengan tawadduk. Sikap tawadduk iaitu rendah diri perlu ada dalam intipati pengajaran dan pembelajaran pelajar pintar. Tiaranita (2017) menyatakan kerisauannya juga bahawa sifat rendah diri bukan sahaja tertumpu kepada pelajar remaja yang pintar dan berbakat. Malah bagi Tiaranita (2017) juga berpendapat pelajar pasca siswazah juga perlu disemai dan dipupuk dengan sifat seperti rendah diri.

### KONSEP TAWADDUK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN


Konsep tawadduk seringkali disalah tafsirkan. Walhal ianya perlu disemai di kalangan pelajar dan boleh diperaktikkan dalam kalangan mereka (Natanael et al, 2020). Dalam mengejar kejayaan akademik, sesuatu yang jangan dilupakan ketika mempelajari sesuatu subjek dalam bilik darjah iaitu kepintaran yang dimiliki perlu disyukuri, apakah lagi perlu disemai. Sifat tawaduk bukan sahaja membuat seseorang mensyukuri nikmat. Malah, sifat ini dapat membuat seseorang lebih mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Bijaksana (Addeen Growth of Knowledge, 2017). Oleh yang demikian, sifat tawadduk amat dicadangkan dalam pembelajaran pelajar untuk lebih mensyukuri dan membentuk individu yang rendah diri dan bersyukur (Tiaranita, 2017). Ibnu Qayyim (571H) mencadangkan seseorang perlu mananamkan sifat tawaduk dalam diri dengan menyematkan ciri-ciri mengenal Allah melalui nama-nama dan sifat-sifat Allah yang sempurna serta mengenal Rasulullah SAW. Individu tersebut juga perlu mengenal Rasulullah melalui pembelajaran hadis, sirah dan lain-lain. Nescaya, sifat tawaduk akan wujud beransur-ansur dan dalam waktu yang sama guru perlu menasihati pelajar untuk membuang semua sifat buruk yang ada dalam jiwynya. Apabila beliau berjaya membuang sifat mazmumah yang wujud dalam dirinya sendiri, output yang terhasil dengan izin Allah, dia mampu untuk menjadi seorang ikhlas dalam menuntut ilmu dan sentiasa ada taqwa serta rendah diri dalam jiwynya seperti yang dapat digambarkan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Konsep Tawaduk Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Pintar

Berdasarkan rajah di atas, Tiaranita (2017) menegaskan bahawa sesuatu pembelajaran perlu disemai dengan sifat tawadduk. Ibnu Qayyim (571H) berpendapat untuk menyemai sifat tawadduk dalam diri seseorang perlu menanam babit-babit positif yang dapat membawa hasil seperti mengenal Allah dan Rasul. Rentetan dari babit-babit positif ini, nescaya akan lahirlah dari jiwa pelajar pintar tersebut output seperti ikhlas, rendah diri dan taqwa.

Dalam mendidik pelajar pintar, ada sarjana yang berpendapat kepintaran yang ada pada diri pelajar pintar adalah berbeza dan faktor tersebut disebabkan oleh keturunan dan persekitaran (Myhealth Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Seorang genius ialah individu yang mempunyai kapasiti luar biasa dari segi keintelaktualan, kreativiti, dan keaslian yang mengatasi orang lain. Seorang genius melangkaui sempadan bidang tertentu dan meneroka pengetahuan baharu. Inilah sebabnya seorang genius disamakan dengan kepintaran tulen yang bukan dilatih. Kepintaran ini menggunakan bakat luar biasa, dia boleh menghasilkan sesuatu yang baru dan asli. Manakala talented iaitu berbakat membawa erti individu yang sejak kecilnya mempunyai kemahiran akademik, kreatif, seni yang luar biasa. Seorang kanak-kanak berbakat mungkin boleh berprestasi dengan sangat baik di dalam bilik darjah dan memaparkan tahap prestasi yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan untuk umurnya. Walau bagaimanapun, terdapat kes di mana kanak-kanak mungkin tidak menunjukkan potensi ini sama sekali. Kadangkala pertumbuhan fizikal kanak-kanak berbakat boleh menjadi kurang berbanding yang lain dan memaparkan fungsi atau perkembangan tertentu yang tidak sekata. Dalam kes tertentu, faktor persekitaran seperti kemiskinan, latar belakang keluarga, budaya boleh menghalang prestasi kanak-kanak tersebut. (Difference Between, 2015).



Rajah 2 di atas dengan jelas menerangkan tentang pendapat Gardner (1983) yang menyatakan bahawa pelajar pintar dan berbakat memiliki kecerdasan yang pelbagai. Penjelasan beliau adalah seperti berikut:

“An intelligence is the ability to solve problems, or to create products that are valued within one or more cultural setting”

(Gardner 1983)

Gardner (1983) menyatakan "Kecerdasan ialah keupayaan untuk menyelesaikan masalah, atau mencipta produk yang bernilai dalam satu atau lebih latar budaya". Pendapat yang dikemukakan oleh Howard Gardner menunjukkan bahawa kecerdasan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan.

## TEORI KECERDASAN PELBAGAI

Dalam pendidikan pelajar pintar, teori kecerdasan pelbagai adalah bagaimana seseorang guru dapat memahami cara penyampaian beliau mengajar berdasarkan pada pemikiran kemampuan intelektual seseorang pelajar pintar yang diukur melalui ukuran ujian IQ yang sangat terbatas. Ini kerana ukuran ujian IQ menekankan pada kemampuan logikal-matematik dan bahasa sahaja. Sebenarnya, setiap orang mempunyai caranya yang tersendiri dan unik untuk

menyelesaikan persoalan atau masalah yang dihadapi mereka. Tambahan lagi, kecerdasan bukan hanya dilihat dari nilai yang diperolehi seseorang. Hal ini kerana kecerdasan merupakan kemampuan yang dimiliki oleh seseorang untuk melihat sesuatu masalah dan seterusnya berupaya menyelesaikan masalah tersebut atau membuat sesuatu yang berguna kepada orang lain. Definisi kecerdasan pelbagai yang diberikan oleh Gardner (1983) adalah kepakaran kecerdasan manusia seharusnya mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah, menangani masalah sesuai dengan masa dan tempat dan menghasilkan output yang efektif. Rajah 2 menunjukkan dengan jelas bagaimana teori kecerdasan pelbagai berfungsi terhadap beberapa subjek pembelajaran mengikut pandangan (Gardner, 1983).

### **KEPENTINGAN TEORI KECERDASAN PELBAGAI DALAM PENGAJARAN**

Menurut Gardner (1983), setiap individu pintar mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza kecerdasan dan kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan dengan pendidikan melalui aktiviti yang bersesuaian. Dalam konteks pendidikan, guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri daripada sembilan kecerdasan yang diperkenalkan oleh Gardner.

Teori Kecerdasan Pelbagai amat bermanfaat buat guru bagi menyediakan peluang untuk pembelajaran tulen berdasarkan keperluan, minat dan bakat pelajar. Bilik darjah adalah suatu tempat untuk guru bertindak seperti dunia "sebenar". Pelajar menjadi lebih aktif dengan adanya guru yang bertenaga dan aktif di dalam bilik darjah. Malah, penglibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah juga mungkin dapat ditingkatkan. Ini berlaku semasa pelajar menunjukkan kerja atau menyiapkan tugas. Aktiviti yang melibatkan pembelajaran sehingga dapat membawa ahli komuniti ke dalam proses pembelajaran juga digalakkan. Gardner (1983) berpendapat pelajar akan dapat memanfaatkan situasi tersebut. Membina kekuatan memberikan pelajar motivasi untuk menjadi "pakar." Ini seterusnya boleh membawa kepada peningkatan harga diri. Apabila guru mengajar pelajar dalam erti kata "mengajar untuk memahami," pelajar. Manakala, pelajar pula akan mengumpul pengalaman pendidikan yang positif dan keupayaan untuk mencipta penyelesaian kepada masalah dalam kehidupan.

Walaubagaimana pun, teori kecerdasan pelbagai perlu diserasikan dengan konsep pelajar yang memiliki sifat rendah diri. Ini kerana menurut Tiaranita (2017), walaupun seseorang pascasiswazah yang bijak sekalipun, individu tersebut perlu mengetahui kerendahan hati dalam mendalami sesuatu ilmu untuk berhadapan dengan masyarakat suatu hari nanti. Malahan, mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Bijaksana perlu ada bagi setiap individu (Addeen Growth of Knowledge, 2017). Gagasan inilah yang membawa seseorang yang tawadduk mengenal tuhan dan dia sudah pasti akan menjadi insan yang bertaqwa dikemudian hari dalam erti kata menjalani proses menuntut ilmu dengan penuh rendah diri ( Ibnu Qayyim, 571H).

### **MENDIDIK PELAJAR PINTAR AGAR MEMAHAMI SIFAT-SIFAT ALLAH DAN MENCONTOHI SIFAT RASULULLAH**

Pembelajaran mengenal diri dan dalam masa yang sama memahami pengertian ruhani dalam erti kata mengenal Allah ialah suatu anjuran yang digalakan dalam Islam (Ibnu Qayyim, 571H). Tambahan lagi, topik-topik dalam Pendidikan Islam amat membantu perkembangan pelajar dalam mendidik jiwa (Mohd Nawi, 2021). Mohd Nawi (2021) juga berpendapat pembelajaran Pendidikan Islam seperti mengenal sifat-sifat Allah adalah perlu untuk mendidik jiwa terutama dalam membawa membawa transformasi terhadap mobiliti sosial dalam masyarakat. Dengan cara ini, didikan yang lebih menjuruskan kepada sifat rendah diri akan tercapai dengan mudah. Menurut Levy (2017), sifat rendah diri tidak boleh disalah ertikan, seseorang yang pintar atau genius perlu mendalami sifat rendah diri bukan sekadar memiliki ilmu. Malah, memiliki sifat ketinggian akhlak yang terpuji melalui pengamatan dan amalan dalam kehidupan seharian.

Boleh dikatakan seorang individu yang memiliki sifat rendah diri boleh dipuji. Rasulullah S.A.W adalah satu-satunya insan yang memiliki ciri Qudwah Hasanah atau kriteria sifat yang terbaik untuk dicontohi oleh umat sepanjang zaman. Hal ini amatlah penting, terutamanya dalam membentuk jadi diri sebagai seorang yang tawadduk atau rendah diri (Rezwan et al 2014). Qudwah Hasanah kepada keseluruhan umat manusia amat perlu direalisasikan, tambahan lagi ianya banyak dan tidak terkira contoh teladan yang dapat kita diambil daripada sifat Baginda yang tercatat dalam sirah-sirah Rasulullah sepanjang zaman.

### **KESIMPULAN**

Penghayatan sifat-sifat Rasulullah perlu dibudayakan di setiap peringkat sama ada di sekolah maupun melalui institusi pendidikan bagi melahirkan sebuah ummah yang rabbani. Ia juga harus diserahkan dalam segenap aspek kehidupan terutama dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. Apabila guru dapat menyemai sifat tawaduk dikalangan pelajar pintar untuk mengamati kisah sirah Rasulullah SAW, sudah pasti keindahan yang tergambar dalam

setiap episod dalam kisah insan yang dipilih Allah membuat pelajar tersebut tertarik untuk mendapatkan aura anugerah Allah SWT untuk menuntut ilmu.

Dalam konteks pelajar pintar, sifat-sifat positif yang ditanamkan dalam diri akan membuatkan seseorang menyedari bahawa sifat mazmumah seperti sompong dan ego dalam menganggap diri sebagai pintar perlu dikikis serta perlu dihindarkan ketika belajar ilmu agama. Ini bagi mengelakkan diri dari rasa sompong dan bongkak ketika ditegur oleh guru, ustaz atau sesiapa sahaja yang sama martabatnya dengan guru di sekolah. Impak yang besar membuat seseorang pelajar sudah pasti menyedari ilmu Allah adalah sangat kerdil, dan beliau perlu melalui proses kematangan fikiran dengan menyemai sifat tawadduk dalam diri sebelum melalui fasa persiapan menuntut ilmu agar diri diberkati oleh Allah SWT.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Allen, D. (2019). Stay humble and keep learning. Advice for teachers — and everyone else — who wants to make education a lifelong endeavour. <https://xqsuperschool.org/rethinktogether/stay-humble-and-keep-learning/>.

Al-Hijrah Online. (2020). Rasulullah SAW teladan ummah sepanjang zaman. <https://alhijrahnews.com/rasulullah-saw-teladan-ummah-sepanjang-zaman/>.

Bailey, C.L.. (2009). An Examination of The Relationships Between Ego Development, Dabrowski's Theory of Positive Disintegration, and The Behavioral Characteristics of Gifted Adolescents. Dissertation of PhD. The Faculty of the School of Education. The College of William and Mary in Virginia.  
<https://www.proquest.com/docview/305028377/pq-origsite=gscholar&fromopenview=true>.

Cherry, K. (2022). Alfred Binet and the History of IQ Testing. <https://www.verywellmind.com/history-of-intelligence-testing-2795581>.

Delisle, J. & Galbraith, J. (2002). When gifted kids don't have all the answers: How to meet their social and emotional needs. Minneapolis: Free Spirit Publishing.

Ibnu Qayyim Al Jauziyyah. (751H). Ar-Ruh. DKI BEIRUT.

Difference Between. (2015). Difference Between Gifted and Genius. <https://www.differencebetween.com/difference-between-gifted-and-vs-genius/>.

Gardner, H. (2011). Frames of mind: The theory of multiple intelligences. Hachette UK.

Gardner, H.(1983). Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences.

Janos PM, Fung HC, Robinson NM. (1985). Self-Concept, Self-Esteem, and Peer Relations Among Gifted Children Who Feel "Different." Gifted Child Quarterly. 1985;29(2):78-82. doi:10.1177/001698628502900207.

Kamis, M.S. Alias,M,N., Lubis, M,A.,Mikeng, D., Zainal Abidin,S,G., Ismail, M,J.,Yusof,R.(2021). Learning Arabic using telegram in the laptop: The language learning style of Malaysian gifted learners. <https://www.jlls.org/index.php/jlls/article/view/2623/819>. <http://www.myhealth.gov.my/kepakaran-a-iq/>.

Levi, L.(2017). Gifted is Good, Humble is Great. You know what's better than being a genius? Being a mensch. <https://midcenturymodernmag.com/gifted-is-good-humble-is-great-402c6d0f437d>

Mohd Nawi, Muhammad. (2021). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membawa Transformasi Terhadap Mobiliti Sosial Dalam Masyarakat. 21. 178-188. 10.37231/jimk.2020.21.3.429.

Natanael, Y., Devi, M., Burhanudin, Y.,A. Nur, J. (2020). Measurement Invariance pada Indonesian Tawadhu Scale (ITS). Jurnal Psikologi Islam dan Budaya. Edisi Oktober 2020, Vol.3, No.2. ISSN online 2615-8183 / print 2615-8191.

[https://www.researchgate.net/publication/346859591\\_Measurement\\_Invariance\\_pada\\_Indonesian\\_Tawadhu\\_Scale\\_IT斯/fulltext/5fd1d1b045851568d150bc05/Measurement-Invariance-pada-Indonesian-Tawadhu-Scale-ITS.pdf](https://www.researchgate.net/publication/346859591_Measurement_Invariance_pada_Indonesian_Tawadhu_Scale_IT斯/fulltext/5fd1d1b045851568d150bc05/Measurement-Invariance-pada-Indonesian-Tawadhu-Scale-ITS.pdf).

Redwan Yasin, Sayuti Ab. Ghani, Burhanuddin bin Jalal.(2014). Aplikasi kualiti kepimpinan Rasulullah S.A.W dalam pembentukan jati diri pendakwah masa kini QURANICA, International Journal of Quranic. Research, Vol. 6, Issue. 2, December 2014, Pp. 69-82.

Renzulli, J. S. (1978). What makes giftedness? Re-examining a definition. Phi Delta Kappan, 60(3), 180184.

Sternberg RJ, Zhang L. (1995). What Do We Mean by Giftedness? A Pentagonal Implicit Theory. Gifted Child Quarterly. 1995;39(2):88-94. doi:10.1177/001698629503900205.

Tiaranita, Y., Saraswati, S.,D. Nashori F. (2017). Religiositas, Kecerdasan Emosi, dan Tawadhu pada Mahasiswa Pascasarjana. Psikohumaniora: Jurnal Penelitian Psikologi, Vol 2, No 2 (2017), 182 – 193. Psikohumaniora: Jurnal Penelitian Psikologi.